

05/08/2005

Mahathir-Timur

MAHATHIR GESA RAKYAT MALAYSIA SUPAYA PANDANG KE TIMUR UNTUK KEMAJUAN

Serdang, 5 Ogos (Bernama) -- Sekiranya Malaysia mahu berkembang lebih maju, ia seharusnya belajar dari kejayaan negara-negara Timur dan bukannya mencontohi negara-negara Barat yang kini semakin hilang kegemilangannya, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dengan mengambil contoh gergasi ekonomi seperti Jepun, Korea Selatan dan kuasa ekonomi yang baru muncul seperti China dan India, Dr Mahathir berkata negara-negara ini mempunyai rekod pencapaian pembangunan ekonomi, malah sebelum negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat menjadi maju.

Beliau berkata sebaliknya negara barat, di mana nilai-nilai moralnya semakin terhakis, adalah tidak sesuai untuk dijadikan model bagi Malaysia untuk dicontohi.

"Kita tidak boleh menjadikan negara Eropah atau negara barat sebagai model sekiranya kita majukan kemajuan. Jika kita pilih mereka sebagai model, kita akan menjadi semakin malap seperti mereka. Model Eropah dan negara barat adalah model yang tidak sesuai.

"Saya percaya ketamadunan telah bergerak kearah negara-negara timur. Negara-negara maju adalah di timur, dan bukannya di barat," katanya semasa memberi syarahan bertajuk "Moving Towards A Progressive Society" yang diadakan di Universiti Putra Malaysia di sini hari ini.

Siri syarahan itu dianjurkan oleh Yayasan Rashid.

Beliau berkata walaupun berjaya menikmati kejayaan ekonomi, banyak negara-negara Asia masih mampu mengekalkan etika moral, yang merupakan aspek penting dalam membangunkan masyarakat yang sihat.

"Mereka berkembang dengan pesat. Masyarakatnya berpelajaran, memperolehi teknologi terkini dan memiliki keupayaan untuk membangunkan ekonomi. Mereka menguasai kemahiran dan teknologi yang lebih maju daripada negara-negara barat," katanya.

Dr Mahathir berkata China contohnya memiliki simpanan bernilai US\$1 trilion, menjadikan ia sebagai negara yang sangat berkuasa dan kaya di dunia.

Bagaimanapun beliau memberi amaran kepada rakyat Malaysia yang menurutnya tidak seharusnya meniru semua yang datang dari Timur kerana mereka juga memiliki kelemahan.

Beliau menasihatkan umat Islam supaya menghayati Al-Quran sekiranya mereka ingin mencapai kemajuan, kerana ia menawarkan banyak panduan menimba ilmu, yang merupakan alat paling penting bagi pembangunan.

"Orang-orang Islam tidak seharusnya menolak agama, walaupun mereka mahukan kemajuan. Hadis menyenaraikan banyak bimbingan tentang cara untuk mencapai kemajuan, ia memberitahu tentang pentingnya menimba ilmu," katanya dan menambah bahawa dunia suatu ketika dulu adalah pusat kecemerlangan ilmu dan mampu melahirkan saintis dan cendekiawan.

Semasa sains dan matematik menjadi alat penting bagi kemajuan, Dr Mahathir berkata kaum wanita juga harus dibenarkan untuk memainkan peranan mereka dalam masyarakat.

"Sekiranya umat Islam mahukan kemajuan, anda tidak boleh beritahu para wanita supaya duduk didapur. Ia akan mengurangkan kekuatan anda," katanya.

-- BERNAMA

VP RV AZH